



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

Flexible Education Beyond Borders. Ruj. Kami : MQA.100-1772 Jld. 2 (11)

Tarikh : 14 November 2018



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGensi KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

www.mqa.gov.my

OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA_Malaysia



*Project PPgK
Pegawai Dr. Suriati
file bukt 10/11/18
dalam x 18
13/12/2018*

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 8/2018

KERANGKA PENAWARAN PROGRAM HIBRID

PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB
Deputy Vice Chancellor
(Academic & International)
Universiti Malaysia Kelantan

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bil. 2/2018 bertarikh 03 September 2018.

2. Pada lazimnya, MQA menerima permohonan program pengajian berbentuk hibrid yang ditawarkan dengan penggabungan dua bidang yang berbeza melalui struktur Dwi Major (*Double Major*), Major Minor dan Dwi Ijazah (*Double Degree*).
3. Namun demikian, dinamika pendidikan tinggi masa kini telah menyediakan ruang kepada perkembangan ilmu melalui program pengajian berbentuk hibrid yang ditawarkan dengan penggabungan lebih daripada dua bidang tanpa sebarang komponen dominan oleh mana-mana bidang sekurang-kurangnya 50%.
4. Bagi menghargai ruang penerokaan ini di samping menyokong elemen *transdisciplinary* dalam *Higher Education 4.0*, MQA telah menggariskan Kerangka Penawaran Program Hibrid seperti dalam Lampiran 1.
5. PPT disarankan untuk meneliti Kerangka yang disediakan sebagai panduan dalam mereka bentuk program pengajian yang dinamik dan mampu menarik minat industri dalam konteks kebolehpasaran graduan. Pada waktu yang sama, aspek jaminan kualiti perlu diberi perhatian bagi memastikan kelancaran penilaian program tanpa menjejaskan peluang penerokaan bidang baharu.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

*Fiza,
mohon scan & email
kepd semua Delekan
& Pengarah Pusat*



DR. MARYATI BINTI ISMAIL
PENGARAH
Pusat Pengurusan dan Jaminan Kualiti
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan



KERANGKA PENAWARAN PROGRAM HIBRID

Reka bentuk kurikulum dan proses penilaian akreditasi program hibrid tiga (3) bidang adalah seperti berikut:

A. Reka Bentuk Kurikulum

Perkara	Kriteria
<p>Body of Knowledge</p> <p>- Maksimum tiga (3) bidang</p>	<p><u>Pengecualian</u> terhadap pemakaian standard program boleh dipertimbangkan.</p> <p>PPT perlu mengemukakan justifikasi yang kukuh berkenaan keperluan hibrid bagi tujuan pengecualian.</p>
Penamaan	Nama baru yang <u>menggambarkan bidang</u> yang digabungkan.
National Education Code (NEC)	Seperti di Perkara B.
Kredit Bergraduat	Kredit bergraduat minimum berdasarkan tahap pengajian.
Tempoh	Tempoh diselaraskan dengan kredit bergraduat dan ketetapan berkaitan beban pembelajaran pelajar dalam satu semester dan satu tahun pengajian.
Tahap	Boleh ditawarkan pada tahap <u>Sarjana Muda dan ke atas.</u>
Kelayakan Masuk	<p>Mematuhi kelayakan masuk minimum bagi tahap pengajian.</p> <p>Keperluan mata pelajaran tertentu ditetapkan berdasarkan komponen kurikulum hibrid yang dibangunkan.</p>

B. Penetapan *National Education Code* (NEC)

Komponen Bidang	Kod Klasifikasi	Contoh
<p>Tiga bidang umum/spesifik digabungkan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • tiada bidang yang melebihi 50% • tiada bidang kurang daripada 25% <p>- daripada komponen teras</p>	<p>Ketiga-tiga kod bidang umum/spesifik NEC disenaraikan.</p>	<p>1. Program menggabungkan tiga bidang spesifik [dari satu bidang umum] secara sama rata:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Sains Politik (313) b. Jurnalisme (321) c. Pengurusan (345) ✓ <p>Ini dinyatakan sebagai 313, 321 dan 345. 345</p> <p>2. Program menggabungkan tiga bidang spesifik [dari dua bidang umum]:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 40% Sejarah (225) b. 30% Pengajian Budaya (312) ✓ c. 30% Jurnalisme (321) <p>Ini dinyatakan sebagai 225, 312 dan 321. 312</p> <p>3. Program menggabungkan dua bidang umum dan satu bidang spesifik:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 40% Sains Fizikal (440) ✓ b. 30% Pengurusan Perniagaan (340) ✓ c. 30% Bahasa (222) ✓ <p>Ini dinyatakan sebagai 440, 340 dan 222. 440 340 222</p>
<p>Program pengajian umum yang mana pelajar dibimbing berorientasikan pelbagai bidang atas pilihan pelajar</p>	<p>Kod bidang umum NEC yang berkaitan.</p>	<p>Program yang berbentuk <i>personal skills</i> yang mana pelajar dibimbing berorientasikan amalan bidang tertentu berdasarkan <u>pilihan pelajar</u>.</p> <p>Ini diklasifikasikan sebagai 090. 090</p>

C. Proses Penilaian

i. Ahli Panel Penilai

Bagi program hibrid tiga (3) bidang, pemilihan Ahli Panel Penilai adalah berdasarkan bidang-bidang yang digabungkan dengan keutamaan kepada pakar daripada bidang umum yang dominan.

ii. Badan Profesional

Penawaran program hibrid perlu tertakluk kepada keperluan dan kelulusan badan profesional yang berkaitan.

ii. Caj penilaian

Caj tambahan akan dikenakan berdasarkan tambahan pakar bidang yang dilantik.